



## SIARAN MEDIA # 1

### UNTUK SIARAN SEGERA

Jam 15.00 Rabu 21 April 2010

**RAMLI SARIP MENAMAKAN BARISAN PEMUSIK DAN ARTIS YANG AKAN MENGAMBIL BAHAGIAN DI KONSERT "TAFSIRAN ALAM: WISDOM OF NATURE"**

**Kutipan konsert menyumbang kepada Yayasan Kemanusiaan Muslim Aid Malaysia**

---

**Kuala Lumpur, Rabu 21 April 2010** – Ramli Sarip mengumumkan hari ini barisan pemusik dan artis bagi konsertnya bertema "Tafsiran Alam: Wisdom of Nature". Konsert ini merupakan *debut solo* beliau di sebuah pentas terunggul tanahair iaitu Dewan Filharmonik Petronas yang akan berlangsung pada hari Isnin, 10 Mei dan Selasa, 11 Mei 2010.

Konsert ini akan membawa penonton ke persada musik Ramli yang telah menjangkau lebih dari empat dekad. Beliau akan menampilkan pelbagai hasil karya yang mengkagumkan sebagai penulis lagu, penyanyi, penyusun dan penerbit musik. Dua malam istimewa ini akan menyaksikan Ramli menghidupkan semula lagu-lagu hit bersama Sweet Charity, lagu-lagu panas *Papa Rock* serta lagu-lagu terkini beliau berentak *world music*. Bahan baru beliau akan terus menaikkan lagi nama beliau sebagai pencetus inovasi.

Ramli telah memilih beberapa pemuzik handal bagi mengiringi beliau pada kedua-dua malam konsert teristimewa ini. Pengarah musiknya adalah tidak lain tidak bukan seorang komposer dan penyusun musik legenda, Eddie Marzuki. Beliau akan mengetuai kumpulan yang terdiri dari 17 pemusik yang terbaik di tanahair seperti Man Kidal dan Mohd Rafi (gitar), Din Safari (bes), Tom Anuar (drum), Kudin (kibod) bersama sekumpulan 6-orang pemain alat bertali yang akan menggegarkan dewan.

Pada masa yang sama, Ramli telah memilih 2 artis undangan bagi menyerikan lagi persembahan beliau. Pada malam Isnin 10 Mei, Andre Goh- seorang veteran dan perintis dalam industri musik tanahair akan ditampilkan. Manakala pada malam keduanya, Selasa 11 Mei, seorang penyanyi muda *soul dan R&B* berbakat - Misha Omar akan ke pentas.

Penganjur dan penerbit konsert - *Impress Creative and Editorial* dan Rasamusic – dengan sukacitanya memaklumkan bahawa kutipan dari konsert ini akan disumbangkan kepada Yayasan Kemanusiaan Muslim Aid Malaysia bagi membantu kerja-kerja amal yang dikendalikan. Ramli telah pun dilantik sebagai duta Yayasan tersebut semenjak bulan Januari 2010. Bantuan yang dihulurkan (dari kutipan konsert) akan menyumbang kepada kerja-kerja amal kemanusiaan sedunia.

Penjualan tiket bagi kedua-dua konsert amat laris semenjak penjualan dibuka kepada orang ramai dan pihak *box office* DFP tidak henti dihujani permintaan dari peminat setia Ramli.

Konsert Tafsiran Alam menjanjikan satu keraian yang menakjubkan dari seorang artis luarbiasa yang sudah sehati dengan musik dan falsafah hidupnya. Konsert ini merupakan suatu peristiwa unggul dalam kalendar seni tanahair pada tahun ini.

Tiket berharga RM180, RM150, RM120 dan RM80 boleh didapati dari *box office* Dewan Filharmonik PETRONAS di talian 03 2051 7007 atau laman webnya, [dfp.com.my](http://dfp.com.my)

—Tamat—

---

Untuk maklumat lanjut, jadual foto dan temubual dengan Ramli Sarip, mohon hubungi:

- ☎ **Ismail Gareth** di talian 012 225 1179 atau [gareth@impresscreative.com](mailto:gareth@impresscreative.com)
- ☎ **Noorshah** di talian 013 809 5640 atau [noorshah@impresscreative.com](mailto:noorshah@impresscreative.com)
- ☎ **Juria** di talian 013 263 3938 atau [ruhzaman@yahoo.com](mailto:ruhzaman@yahoo.com)